



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# POLISI TADBIR URUS DOKUMEN POLISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Nama Polisi	: Polisi Tadbir Urus Dokumen Polisi
Nombor Polisi	:
Diluluskan Oleh	: Lembaga Pengarah Universiti
Tarikh Kuat kuasa	: 9 Julai 2019
Pautan Rasmi	: <a href="http://registrar.utm.my/governan">http://registrar.utm.my/governan</a>

## **SEKSYEN 1 : PENGENALAN**

### **1.1 TUJUAN**

Polisi ini bertujuan bagi memastikan kawalan dan konsistensi dalam proses penyediaan, pemakaian, semakan, pindaan, pemansuhan, hebahan dan pengurusan Dokumen Polisi yang standard.

### **1.2 SKOP KUATKUASA PEMAKAIAN POLISI**

Polisi ini terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab di UTM.

### **1.3 DASAR BERKAITAN**

Dasar Universiti Teknologi Malaysia.

### **1.4 PRINSIP POLISI**

1.4.1 UTM memberi jaminan kepada pihak pemegang taruh bahawa tiga teras utama Universiti iaitu pembelajaran & pengajaran, penyelidikan & inovasi dan perkhidmatan sentiasa dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

1.4.2 UTM bertanggungjawab untuk memastikan semua perancangan, keputusan dan pelaksanaan yang dibuat berkaitan dengan teras utama Universiti dijalankan selaras dengan dasar, polisi, prosedur dan garis panduan yang berkuatkuasa.

1.4.3 UTM bertanggungjawab untuk memastikan Polisi, Prosedur dan Garis Panduan Universiti disemak dan dikemaskini secara berkala bersesuaian dengan hala tuju universiti.

## 1.5 DEFINISI

Perkataan/ Istilah	Definisi
Dokumen Polisi	Dasar, Polisi, Prosedur dan Garis Panduan UTM
Dasar	Dasar Universiti Teknologi Malaysia
Polisi Universiti	Semua polisi di UTM termasuk Polisi Tadbir Urus Dokumen Polisi
Prosedur Universiti	Semua prosedur di UTM termasuk Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi
Garis Panduan Universiti	Semua Garis Panduan di UTM
Daftar Polisi UTM	Merupakan platform untuk menyimpan Dokumen Polisi serta merekod semua perubahan dan kronologi Dokumen Polisi .
Pemilik Polisi	Ketua PTJ/Unit yang bertanggungjawab menguruskan polisi yang berkaitan.
Pengurus Dokumen Polisi	Pegawai yang diberikan tanggungjawab untuk menguruskan semua rekod yang berkaitan dengan Dokumen Polisi di Seksyen Governan, Jabatan Pendaftar.

## 1.6 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama	Lokasi Rujukan
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	Seluruh Dokumen
Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen
Statut Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen

## SEKSYEN 2 : PERNYATAAN POLISI

- 2.1 Semua Polisi Universiti dibangunkan dan dipinda hendaklah berdasarkan kepada Polisi Tadbir Urus Dokumen Polisi dan Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi.
- 2.2 Polisi Universiti hendaklah berdaftar dalam Daftar Polisi UTM dan hanya polisi yang berdaftar sahaja diterima sebagai Polisi Universiti rasmi dan menjadi rujukan.

### SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI

#### 3.1 PUSAT TANGGUNGJAWAB BERKAITAN

Bil.	PTJ
1.	Semua Pusat Tanggungjawab

### SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

#### 4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

<b>Pemilik Polisi</b>	Jabatan Pendaftar
<b>Pengurus Dokumen Polisi</b>	Ketua Seksyen Governan

#### 4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1	18 Jun 2019	Lembaga Pengarah Universiti	-